

Soalan No : 51

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff
[Rantau Panjang]

TARIKH : 11.03.2014

SOALAN :

Y.B. Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah agenda penambahbaikan terhadap sistem pelaksanaan dasar PBS yang banyak kelemahan pelaksanaannya sebelum ini serta apakah hasil kajian keberkesanannya terhadap sistem pembelajaran sejak ia diperkenalkan sehingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bermula di Tahun 1 Sekolah Rendah, pada tahun 2011 dan Tingkatan 1, Sekolah Menengah pada tahun 2012. Walaupun pelaksanaannya belum lengkap satu kitaran, dapatkan lawatan pemantauan dan kajian impak PBS pada 2012 menunjukkan bahawa guru lebih kreatif dalam pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran kerana tiada lagi tekanan peperiksaan. Murid didapati lebih aktif dan kreatif selain daripada pembelajaran yang lebih seimbang kerana tidak lagi hanya berfokus terhadap pencapaian akademik semata-mata.

Walau bagaimanapun, KPM telah mengambil inisiatif meneliti semula pelaksanaan PBS dengan membuat kajian semula PBS mulai Februari 2014

sehingga penghujung Mac 2014. Dalam tempoh ini, pelaksanaan PBS ditangguhkan sehingga keputusan kajian semula selesai. Sementara itu, guru diminta memberi fokus pengajaran seperti biasa pada murid. YAB Menteri Pendidikan akan memaklumkan tindakan penambahbaikan berdasarkan kepada keputusan kajian semula tersebut.

Rjm 04

NO. SOALAN: 52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KUALA LANGAT]

TARIKH : 11 MAC 2014

SOALAN :

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta PERDANA MENTERI menyatakan kedudukan pekerja-pekerja kontrak perkhidmatan di sektor awam yang bekerja lebih tiga tahun supaya diserapkan sebagai pekerja tetap.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar mengenai pelantikan secara kontrak dalam perkhidmatan awam dijelaskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 – Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak (Contract of Service). Dasar yang berkuat kuasa telah menetapkan bahawa pelantikan kontrak dibuat atas keperluan berikut:

- i. untuk melaksanakan sesuatu tugas atau projek bagi tempoh yang terhad; atau
- ii. melaksanakan tugas bidang kemahiran tertentu melalui jawatan yang diwujudkan secara sementara bagi tujuan pembayaran gaji; atau
- iii. bentuk tugas yang hendak dilaksanakan lebih sesuai dilaksanakan oleh pegawai kontrak seperti perkhidmatan Bakat dan Seni.

Memandangkan pelantikan kontrak adalah bagi tujuan dan tempoh tertentu, Kerajaan tidak meletakkan komitmen pegawai akan dilantik atau diserap ke jawatan tetap. Sebaliknya, adalah menjadi tanggungjawab pegawai lantikan kontrak, termasuk yang telah berkhidmat **lebih dari tiga (3) tahun** untuk memohon jawatan secara tetap dengan Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan

berdasarkan kelayakan akademik dan pengalaman yang dimiliki. Pengalaman berkhidmat dengan Kerajaan boleh dijadikan kelebihan berbanding dengan calon lain bagi dipertimbangkan pelantikan secara tetap.

Walau bagaimanapun, dari semasa ke semasa, Kerajaan membantu pegawai lantikan kontrak yang akan menghadiri sesi temu duga bagi tujuan pelantikan secara tetap seperti melalui program “Coaching” dan “Mentoring” yang disediakan oleh Ketua Perkhidmatan yang berkenaan. Dalam masa yang sama, pegawai juga didedahkan dengan program latihan bagi meningkatkan lagi kompetensi dalam bidang pekerjaan. Program tersebut dan pendedahan berterusan melalui program latihan akan dapat membantu pegawai untuk membuat persediaan semasa melalui temu duga jawatan tetap.

Sekian. Terima kasih.